

**Pernyataan Penting
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2024**

**Sebagaimana yang diwahikan dalam 2 Timotius 4:7,
kehidupan orang Kristian yang wajar mempunyai tiga aspek,
termasuk memperjuangkan perjuangan yang baik,
berlari dan menamatkan perlumbaan,
dan memelihara kepercayaan.**

**Dalam Wasiat Baru, kepercayaan adalah objektif dan juga subjektif;
kepercayaan objektif merujuk kepada perkara yang kita percayai,
dan kepercayaan subjektif berkaitan dengan tindakan kita percaya.**

**Bagi kita menikmati Kristus sebagai ganjaran kingdom kita,
kita harus mengasihi penampilan Tuan,
iaitu penampilan dan manifestasi diri-Nya kepada kita hari ini
dan hadirat-Nya bersama dengan umat-Nya pada kedatangan kedua-Nya,
dengan kekal berada di jalan yang sempit, berjaga-jaga dalam hayat
dan setia dalam pelayanan untuk dikonstitusikan menjadi
pengantin perempuan Kristus.**

**Apabila Dia datang, iktikad akan menjadi kenyataan,
dan pujian akan menggantikan doa. Kasih akan dikonsumsi dalam
kesempurnaan yang tanpa bayangan gelap, dan kita akan melayan-Nya
di hadapan-Nya tanpa dosa. Alangkah indahnyanya hari itu!
Tuan Yesus, datanglah segera!**

Garis Kasar Mesej
untuk Persidangan Bahasa Cina Peringkat Antarabangsa 2024
10-11 Februari 2024

SUBJEK AM:
MEMPERJUANGKAN PERJUANGAN YANG BAIK,
MENAMATKAN PERLUMBAAN, MEMELIHARA KEPERCAYAAN,
DAN MENGASIHI PENAMPILAN TUAN
UNTUK MENERIMA GANJARAN KRISTUS
YANG MERUPAKAN MAHKOTA KEADILBENARAN

Mesej Satu

Memperjuangkan Perjuangan yang Baik

Bacaan Bible: 2 Tim. 4:7a; 1 Tim. 1:18; 6:12

- I. Sebagaimana yang diwahikan dalam 2 Timotius 4:7, kehidupan orang Kristian yang wajar mempunyai tiga aspek, termasuk memperjuangkan perjuangan yang baik, berlari dan menamatkan perlumbaan, dan memelihara kepercayaan.**
- II. “Aku telah memperjuangkan perjuangan yang baik”—ay. 7a:**
 - A. Percayawan memperjuangkan perjuangan yang baik dengan menerima arahan dutus—1 Tim. 1:18:
 1. Arahan yang diberikan oleh dutus kepada anak rohaninya adalah berkenaan ekonomi Tuhan dari segi positif dan ajaran yang berlainan dari segi negatif—ay. 3-4.
 2. Paulus mengarahkan Timotius untuk berjuang menentang penyimpangan daripada kepercayaan, iaitu memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan—6:12a.
 - B. Paulus memberitahu Timotius bahawa menurut nubuat yang dibicarakan sebelum itu berkenaannya, dia “dapat berperang dalam peperangan yang baik”—1:18:
 1. Berperang dalam peperangan yang baik adalah berperang menentang ajaran berlainan daripada orang yang berbeza pendapat, dan melaksanakan ekonomi Tuhan—ay. 4.
 2. Peperangan ini adalah menurut ministri dutus tentang injil kurnia dan hayat abadi, untuk kemuliaan Tuhan yang terpuji—ay. 11-16.
 3. Dari satu segi, Timotius harus berperang menentang ajaran yang berlainan; dari segi lain, dia harus melaksanakan ekonomi Tuhan menurut ministri dutus—ay. 3-4, 18.
 4. Mengajar dan memberitakan ekonomi Tuhan berkenaan Kristus dan gereja adalah berperang dalam peperangan yang baik—ay. 18.
 - C. Satu Timotius 6:12a berkata, “Perjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan”:
 1. Memperjuangkan kepercayaan bererti berjuang untuk ekonomi Wasiat Baru Tuhan.
 2. Secara khususnya, memperjuangkan kepercayaan bererti berjuang untuk Kristus yang merupakan perjasadan Tuhan dan untuk gereja yang merupakan Tubuh Kristus—Kol. 2:9; 1 Kor. 1:2; 12:27.
 3. Memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan adalah berjuang untuk isi kandungan injil yang lengkap menurut ekonomi Wasiat Baru Tuhan—Ef. 3:6.
 4. Disebabkan ajaran yang berlainan, gereja telah jatuh dan menyimpang daripada kepercayaan; Paulus mengarahkan Timotius untuk berjuang menentang penyimpangan daripada kepercayaan ini, iaitu memperjuangkan perjuangan yang baik bagi kepercayaan—1 Tim. 6:12a.

- D. Dalam 1 Timotius 6:12b Paulus seterusnya berkata, “Berpeganglah pada hayat abadi; ke dalam hayat abadi ini kamu telah dipanggil”:
1. Hayat abadi sebenarnya ialah Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi menjadi hayat kepada kita—Yoh. 3:15-16.
 2. Hayat abadi dalam 1 Timotius 6:12b ialah hayat divin, hayat Tuhan yang tidak tercipta; hayat ini adalah abadi.
 3. *Abadi* lebih banyak menunjukkan sifat hayat divin daripada elemen masa hayat divin—1 Yoh. 5:11.
 4. Untuk memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan dalam kehidupan orang Kristian, kita perlu berpegang teguh pada hayat divin ini dan tidak yakin akan hayat insani kita—bd. Mat. 16:25-26.
 5. Kita memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan bukan sahaja secara objektif tetapi juga secara subjektif dengan berpegang pada hayat abadi—1 Tim. 6:12b.
 6. Kelicikan musuh menyimpangkan orang daripada kepercayaan, iaitu menjauhkan percayawan daripada hayat abadi.
 7. Kita, percayawan yang sejati, harus berpegang pada hayat abadi; tanpa hayat abadi, kita tidak terbilang apa-apa—1 Yoh. 5:11.
 8. Kita perlu berpegang pada hayat abadi, barulah kita dapat memperjuangkan perjuangan yang baik—1 Tim. 6:12b.
 9. Dalam 1 dan 2 Timotius dan Titus, hayat abadi diberi penekanan berulang kali—1 Tim. 1:16; 6:19; 2 Tim. 1:1, 10; Tit. 1:2; 3:7.
 10. Untuk melaksanakan ekonomi Tuhan berkenaan gereja, yang dilihat dalam 1 Timotius, untuk menghadapi arus penurunan dalam kemunduran gereja, yang dilihat dalam 2 Timotius, dan untuk memelihara ketertiban yang baik dalam gereja, yang dilihat dalam Titus, hayat ini merupakan prasyarat yang wajib.
- E. Kita memperjuangkan perjuangan yang baik untuk menentang Syaitan dan kingdom kegelapan:
1. Kita bukan sahaja harus memelihara diri kita lengkap genap tetapi juga harus mencabar iblis itu—Mat. 12:26, 28.
 2. Kita harus menjadi askar Tuhan, memperjuangkan perjuangan yang baik, meruntuhkan kubu-kubu iblis, dan menawan fikiran manusia supaya patuh kepada Kristus—2 Kor. 10:3-5.
- F. Kita memperjuangkan perjuangan yang baik untuk kebenaran—1 Tim. 6:12; 1 Yoh. 1:6; 2:21; 4:6:
1. Kebenaran ialah Tuhan Tritunggal berserta sabda-Nya—Yoh. 1:1, 14-17; 14:6, 16-17; 15:26; 16:13; 17:17; 18:37b.
 2. Kebenaran divin adalah mutlak, dan kita harus bersikap mutlak terhadap kebenaran serta mendukung kemutlakan kebenaran—14:6; 18:37; 3 Yoh. 3-4, 8.
 3. Kita harus menghormati kebenaran Tuhan, mengambil jalan kebenaran, dan tidak mengkompromikan kebenaran dengan cara apa pun—2 Ptr. 2:2.
 4. Kita perlu membiarkan kebenaran digarapkan ke dalam kita dan dikonstitusikan ke dalam apanya kita—1 Yoh. 1:8; 2:4; 2 Yoh. 1-2; 3 Yoh. 3-4.
 5. Demi konsumasi ekonomi divin, kita harus bersikap mutlak terhadap kebenaran yang ada sekarang dan kebenaran tertinggi serta kebenaran subjektif—2 Ptr. 1:12; Roma 8:3; 1:3-4; 12:4-5; Yoh. 8:32; 14:6.
 6. Kita harus belajar untuk mengajar dan memberitakan perkara-perkara yang lebih tinggi daripada tahap kita.
 7. Demi konsumasi ekonomi divin, kita harus bersikap mutlak terhadap jalan kebenaran divin—2 Ptr. 2:2.
 8. Gereja-gereja harus memikul tanggungjawab untuk menjelaskan ajaran kita agar berjuang untuk kebenaran, menjaga pemulihan Tuan, dan menjaga kesaksian kita—1 Tim. 3:15; 6:12; 2 Tim. 4:7.